

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 21 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8378

SOALAN:

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) mengapakah Kerajaan tidak menghalang perhimpunan 16 September 2015 yang berlangsung di Kuala Lumpur walaupun mendapat banyak bantahan; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil terhadap penganjur, peserta perhimpunan yang mengeluarkan kenyataan berunsur hasutan serta cuba menceroboh Jalan Petaling.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), pihak PDRM tidak menghalang perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015 diadakan memandangkan perhimpunan berkenaan telah memenuhi kehendak Akta Perhimpunan Aman 2012.

Daripada 38 laporan polis yang diterima bagi membantah perhimpunan tersebut, 37 laporan dibuat oleh Parti Politik tertentu dan hanya 1 laporan sahaja yang diterima daripada pertubuhan bukan Kerajaan.

Bagi menjawab soalan (b), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan dengan teliti dan rapi bagi mengenalpasti serta menggunakan segala peruntukan undang-undang sedia ada bagi mendakwa pihak-pihak berkenaan selaras dengan peruntukan Akta Perhimpunan Aman 2012 dan lain-lain peruntukan undang-undang sedia ada atas kesalahan yang dilakukan semasa Himpunan Rakyat Bersatu diadakan.

Lanjutan itu, sebanyak 26 laporan polis diterima dan 15 kertas siasatan (*Investigation Paper* - IP) telah dibuka bersabit kesalahan di bawah pelbagai akta sehingga 17 September 2015 seperti berikut:-

BIL	KESALAHAN	JUMLAH IP
1	Seksyen 505B KK – kenyataan yang mendatangkan khianat awam	1
2	Seksyen 147/427 KK – Merusuh dan bencana	1
3	Seksyen 148 KK – merusuh dengan senjata	1
4	Seksyen 143/186 KK – perhimpunan yang menyalahi undang-undang dan menghalang penjawat awam menjalankan tugas	1
5	Seksyen 353 KK – mendatangkan cedera kepada penjawat awam	3
6	Seksyen 15(2) APA 2012 – langgar syarat perhimpunan	1
7	Seksyen 379A – curi motosikal	1
8	Seksyen 4(2) (f) APA 2012 – bawa kanak-kanak semasa dalam perhimpunan	3
9	Seksyen 7(1) ABKSB - memiliki senjata	1
10	Seksyen 380 KK 1958 – curi dalam bangunan	1
11	Seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan – kata-kata menghasut	1
JUMLAH BESAR		15

* KK – Kanun Keseksaan

** APA – Akta Perhimpunan Aman 2012

*** ABKSB – Akta Bahan Kakisan dan Senjata Berbahaya 1958

PDRM juga sedang menyiapkan kertas-kertas siasatan berkaitan untuk dikemukakan kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk nasihat dan arahan lanjut.